

<b>Headline</b>	<b>Sungai tercemar teruk</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	24 Dec 2014	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	Dlm Negeri	<b>Circulation</b>	178,211
<b>Page No</b>	27	<b>Readership</b>	534,633
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	519 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	SITIAINIZA KAMSARI	<b>AdValue</b>	RM 10,352
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 31,056



40 peratus sungai di Selangor, Kuala Lumpur hampir mati

# Sungai tercemar teruk

OLEH SITIAINIZA KAMSARI

kota@utusangroup.com

■ KUALA LUMPUR 23 DIS.

**H**AMPIR 40 peratus sungai di sekitar Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya didapati tercemar teruk atau dikategorikan dalam kelas 5, iaitu hampir mati.

Perkara ini didebak oleh Pengerusi Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd. (PNSB), Tan Sri Rozali Ismail ketika hadir pada majlis perasmian Program Briged Penyelamat Sungai (BPS) River Fun Day sempena sambutan Hari Sungai Sedunia di Institusi Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini.

Menurutnya, keputusan itu hasil daripada pensampelan kualiti air sungai yang merupakan 90 peratus punca bekalan air kepada dua buah negeri tersebut yang dijalankan baru-baru ini.

"Jumlah sungai bagi kelas 1 airnya boleh terus diminum tanpa rawatan, manakala bagi kelas 2 airnya memerlukan rawatan biasa



PESERTA program Teo Hui Xing, 14 melihat proses rawatan air semasa Program "BPS River Fun Day" di FRIM, Kuala Lumpur, kelmarin.

semakin berkurangan. Sebaliknya bagi kelas dan 4, iaitu tercemar dan kelas 5, hampir mati semakin bertambah.

"Keadaan ini menyebabkan pengguna sering diancam kekerapan gangguan bekalan air dan berlaku penutupan loji apabila berlaku pencemaran yang teruk," katanya dalam sidang akhbar selepas peras-

mian program oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taman Templier, Zaidy Abdul Talib bagi pihak Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas), Datuk Ruslan Hassan, Pengarah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

(SPAN) Wilayah Tengah Jalaludin Hassan dan Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod.

Rozali yang juga Pengerusi Eksekutif Syabas turut mengingatkan orang ramai terutama mereka yang tinggal di Selangor agar lebih prihatin dalam membendung masalah pencemaran air.

Katanya, jika usaha memulihara sungai yang menjadi sumber air kepada penduduk itu tidak dilakukan sudah pasti menjadikan bekalan air negara.

"Sejak lima tahun lepas, kira-kira 64 pencemaran sungai berlaku disebabkan oleh tumpahan minyak dan kandungan ammonium yang tinggi. Pencemaran ini telah menyebabkan loji-loji rawatan air ditutup dan menyebabkan gangguan bekalan air kepada lebih tiga juta pengguna di seluruh Selangor dan Kuala Lumpur," katanya.

Mengulas mengenai kelab BPS, beliau berkata, antara objektif pe-nubuhan termasuk menanamkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan memulihara sungai sebagai sumber bekalan air.



ZAYDI ABDUL TALIB (dua dari kiri) bersama Rozali Ismail (empat dari kiri) membersihkan sampah-sarap dalam sungai sempena Program "BPS River Fun Day" di FRIM, Kepong Kuala Lumpur, kelmarin. - UTUSAN/FARID JANUDIN